

UCAPAN2 YANG TERPILIH



BH 12 APR 1982

Oleh AMIR HAMZAH SHAMUDDIN

HAMPIR semua ucapan atau kenyataan pucuk pimpinan negara dilaporkan oleh akhbar, majalah, radio dan televisyen. Segala ucapan seorang pemimpin sepanjang hayat kepimpinannya adalah suatu persembangan pemikiran yang berkait — yang satu diperkuat oleh yang lain, yang awal dipertegas oleh yang kemudian. Ucapan-ucapannya itu juga adalah suatu rentetan peristiwa yang sambung-bersambung, ibarat sebuah filem yang panjang.

Tetapi tian lanoran

ucapan itu — yang menjelaskan tentang latarbelakang perkara yang dilaporkan, pemikiran dan falsafah pemimpin berkenaan mengenainya dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Buku MAHATHIR — Cita-cita dan Pencapaian adalah suatu usaha menyambungkan pemedang-pemidang kecil itu. Tetapi sebuah buku setebal 255 halaman juga bukanlah layar yang cukup luas untuk menayangkan keseluruhan ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

yang begitu berat terhadap kepimpinan — parti dan negara — yang berkualiti. "Kepimpinan," tegas beliau, "menentukan corak dan arus kemajuan sesuatu kumpulan. Sebab itu kita lihat maju mundurnya sesuatu kumpulan mempunyai ikatan yang rapat dengan kepimpinannya. Dalam sejarah zaman keagungan sesuatu kumpulan, kemajuannya tidak dapat dipisahkan dari kepimpinan yang terdapat pada zaman itu.

"Tetapi kepimpinan bukan sahaja boleh

keharmonian antara kaum dipupuk untuk menjamin kesejahteraan dan ketenteraman, dan menyeru setiap rakyat, terutama generasi muda, mempelajari segala bidang kemahiran serta bekerja dengan tekun untuk mencapai kemajuan yang diharapkan.

Cita-cita beliau tidaklah berbeza dari cita-cita dan harapan kita semua — untuk melihat rakyat yang berpadu dan negara yang maju. Tetapi, tegas beliau, "Cita-cita tidak akan menjadi kenyataan tanpa usaha. Tidak ada sesuatu dalam dunia ini yang mudah. Pencapaian

dalam sebaran am adalah ibarat suatu pemedang kecil dalam filem yang panjang itu saja. Ia digarap dengan cepat dan hilang dengan pantas. Cuma pembaca yang bersungguh-sungguh, yang penuh minat, dan yang berkepentingan saja yang membaca tiap satu dari pemedang kecil itu dan dengan demikian dapat menikmati ceritanya yang panjang.

Demikian pula sifat laporan sebaran am adalah ringkas dan memilih. Bukan keseluruhan dari suatu ucapan itu yang diringkaskan, sebaliknya cuma suatu sudut yang terpenting saja darinya — yang dianggap mempunyai news value — yang dipetik.

Kerana itu pembaca laporan sebaran am, terutama penonton televisyen dan pendengar radio, kehilangan sebahagian besar dari isi sesuatu

Kepimpinan

Kerana itu penyusun-penyusunnya terpaksa membuat pemilihan. Dari lebih 300 ucapan beliau yang dibuat dalam tempoh sepuluh tahun antara tahun 1970 hingga 1980 mereka memilih 44 buah saja yang agak mewakili pemikirannya. Ia kemudian dibahagi-bahagikan mengikut bidang tertentu. Dan, supaya terdapat suatu persambungan yang lebih lengkap mereka mengadakan pula suatu temubual khas dengan Perdana Menteri yang dimuatkan di bahagian awal buku ini.

Bagaimanapun, dari 44 buah ucapan itu saja pun kita sudah boleh melihat Dr. Mahathir bukan saja sebagai seorang ahli politik dan ketua pentadbir tetapi juga seorang ahli fikir dan perancang.

Amat jelas beliau memberi perhatian

membawa kebahagiaan dan kemuliaan tetapi juga kepada keruntuhan. Kita lihat bagaimana bangsa yang kuat dan luas kuasanya pun boleh jatuh dan hancur dalam satu generasi saja.

"Kekuatan, kecekapan dan keberanian yang ada pada bangsa itu tiba-tiba hilang dan bangsa itu tidak lagi terdaya mempertahankan kedudukannya. Rakyat memandang kepada pemimpin, tetapi tidak ada panduan yang diterima oleh mereka. Dalam keadaan tidak tentu arah, mereka ditewaskan dengan mudahnya di tangan musuh mereka atau hancur di tangan mereka sendiri."

Beliau juga menekankan pentingnya ajaran Islam yang sebenar difahami serta diamalkan setepatnya dalam semua bidang kehidupan, perlunya

cita-cita juga tidak mudah. Tetapi jika ada ketekunan dan ketabahan dalam usaha kita, jika ada kerendahan diri dan takwa kepada Allah, lambat laun insya-Allah semuanya akan tercapai. Kejayaan adalah bagi mereka yang berusaha."

Bacaan

Dalam berusaha pula setiap pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab. "Cita-cita," jelas beliau, "hanya dapat dicapai sekiranya ada kesanggupan dan kemampuan pemimpin memperjuangkannya, kebolehan jentera pentadbiran menguruskannya serta kesediaan rakyat menerimanya secara serius dan positif. Tidak ada kejayaan bagi mereka yang tidak melengkapkan diri dengan semua kecekapan dan kekuatan yang diperlukan terlebih dahulu."

Kerana segala peranan, tugas dan tanggungjawab setiap pihak ini dijelaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dalam ucapan-ucapannya dengan falsafahnya sekali, maka MAHATHIR — Cita-cita dan Pencapaian sepatutnya menjadi bacaan wajib bagi kita semua — bagi pemimpin dan bakal pemimpin, bagi para pentadbir dan setiap rakyat.

Kita juga kerap diseru supaya memahami latarbelakang sejarah yang membawa kepada perencanaan dan pelaksanaan sesuatu dasar. Tetapi dalam laporan sebaran am kita cuma membaca dan mendengar seruan tersebut. Koleksi ucapan Dr. Mahathir ini memberi kita kesempatan untuk memahaminya.

dalam sebaran am adalah ibarat suatu pemedang kecil dalam filem yang panjang itu saja. Ia digarap dengan cepat dan hilang dengan pantas. Cuma pembaca yang bersungguh-sungguh, yang penuh minat, dan yang berkepentingan saja yang membaca tiap satu dari pemedang kecil itu dan dengan demikian dapat menikmati ceritanya yang panjang.

Demikian pula sifat laporan sebaran am adalah ringkas dan memilih. Bukan keseluruhan dari suatu ucapan itu yang diringkaskan, sebaliknya cuma suatu sudut yang terpenting saja darinya — yang dianggap mempunyai news value — yang dipetik.

Kerana itu pembaca laporan sebaran am, terutama penonton televisyen dan pendengar radio, kehilangan sebahagian besar dari isi sesuatu

Kepimpinan

Kerana itu penyusun-penyusunnya terpaksa membuat pemilihan. Dari lebih 300 ucapan beliau yang dibuat dalam tempoh sepuluh tahun antara tahun 1970 hingga 1980 mereka memilih 44 buah saja yang agak mewakili pemikirannya. Ia kemudian dibahagi-bahagikan mengikut bidang tertentu. Dan, supaya terdapat suatu persambungan yang lebih lengkap mereka mengadakan pula suatu temubual khas dengan Perdana Menteri yang dimuatkan di bahagian awal buku ini.

Bagaimanapun, dari 44 buah ucapan itu saja pun kita sudah boleh melihat Dr. Mahathir bukan saja sebagai seorang ahli politik dan ketua pentadbir tetapi juga seorang ahli fikir dan perancang.

Amat jelas beliau memberi perhatian

membawa ke-bahagiaan dan kemuliaan tetapi juga kepada keruntuhan. Kita lihat bagaimana bangsa yang kuat dan luas kuasanya pun boleh jatuh dan hancur dalam satu generasi saja.

"Kekuatan, kecekapan dan keberanian yang ada pada bangsa itu tiba-tiba hilang dan bangsa itu tidak lagi terdaya mempertahankan kedudukannya. Rakyat memandang kepada pemimpin, tetapi tidak ada panduan yang diterima oleh mereka. Dalam keadaan tidak tentu arah, mereka ditewaskan dengan mudahnya di tangan musuh mereka atau hancur di tangan mereka sendiri."

Beliau juga menekankan pentingnya ajaran Islam yang sebenar difahami serta diamalkan setepatnya dalam semua bidang kehidupan, perlunya

cita-cita juga tidak mudah. Tetapi jika ada ketekunan dan ketabahan dalam usaha kita, jika ada kerendahan diri dan takwa kepada Allah, lambat laun insya-Allah semuanya akan tercapai. Kejayaan adalah bagi mereka yang berusaha."

Bacaan

Dalam berusaha pula setiap pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab. "Cita-cita," jelas beliau, "hanya dapat dicapai sekiranya ada kesanggupan dan kemampuan pemimpin memperjuangkannya, kebolehan jentera pentadbiran menguruskannya serta kesediaan rakyat menerimanya secara serius dan positif. Tidak ada kejayaan bagi mereka yang tidak melengkapkan diri dengan semua kecekapan dan kekuatan yang diperlukan terlebih dahulu."

Kerana segala peranan, tugas dan tanggungjawab setiap pihak ini dijelaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dalam ucapan-ucapannya dengan falsafahnya sekali, maka MAHATHIR — Cita-cita dan Pencapaian sepatutnya menjadi bacaan wajib bagi kita semua — bagi pemimpin dan bakal pemimpin, bagi para pentadbir dan setiap rakyat.

Kita juga kerap diseru supaya memahami latarbelakang sejarah yang membawa kepada perencanaan dan pelaksanaan sesuatu dasar. Tetapi dalam laporan laporan sebaran am kita cuma membaca dan mendengar seruan tersebut. Koleksi ucapan Dr. Mahathir ini memberi kita kesempatan untuk memahaminya.